

UCAPAN
KETUA PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR
BERSEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN
PADA 29 OGOS 2008

Assalamualaikum w.b.t dan selamat sejahtera diucapkan kepada Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri serta pegawai dan kakitangan JAS yang dihormati sekalian.

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya, kita dapat berhimpun pada Perhimpunan Bulanan Jabatan pada pagi ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan al-Murabak 1429 Hijrah dan selamat menunaikan ibadah puasa. Insyallah, kita akan mula berpuasa pada 1 September 2008 (Isnin) bersamaan 1 Ramadan 1429 Hijrah.

Sukacita saya mengingatkan diri saya sendiri dan tuan puan, janganlah kita menjadikan berpuasa sebagai alasan untuk tidak melakukan atau mengurangkan kerja seperti mana yang dilakukan pada bulan-bulan yang lain. Sebaliknya, kita hendaklah mengambil keberkatan di bulan yang mulia ini dengan bekerja lebih gigih untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja masing-masing.

Baru-baru ini, saya telah menerima aduan daripada orang awam mengenai sikap dan tingkah laku pegawai dan kakitangan di sebuah pejabat JAS negeri. Saya melihat aduan yang dikemukakan ini amat serius. Pengadu tersebut telah membuat aduan yang beliau tidak dilayan dengan baik dan menunggu terlalu lama (hampir 1 jam) untuk berjumpa dengan pegawai di JAS. Selain itu, pengadu tersebut juga melaporkan sikap pegawai dan kakitangan JAS yang tidak mengutamakan tugas, berbual-bual kosong dan 'mengumpat' (gosip) tanpa memperdulikan pengadu yang setia menunggu kehadiran pegawai yang ingin ditemuinya. Pengadu berasa malu dengan sikap dan tingkah laku yang dilakukan oleh penjawat awam seperti ini.

Sebagai salah sebuah Jabatan yang banyak berurusan dengan orang awam, kita seharusnya mengutamakan prinsip '*customer is always right*' dan juga mengutamakan kehendak serta kepuasan pelanggan. Kita juga hendaklah mengutamakan kepentingan awam daripada kepentingan peribadi. Perbuatan ini bukan sahaja memalukan JAS, bahkan juga menjejaskan mutu perkhidmatan awam amnya. Saya berharap agar perbuatan ini tidak akan berlaku lagi. Tindakan juga akan diambil kepada pegawai dan kakitangan JAS yang dikenalpasti bersikap sedemikian.

Di sepanjang bulan puasa nanti, kita seharusnya menggiatkan program-program kerohanian seperti ceramah agama, tadarus Al-Quran, bacaan Yassin dan sebagainya. Sungguhpun program seperti ini merupakan amalan yang murni, kemurniaannya akan tercemar sekiranya dijalankan di dalam waktu pejabat. Oleh hal yang demikian, mana-mana Bahagian / unit / persatuan yang bercadang akan menganjurkan program-program tersebut perlulah dirancang supaya tidak melibatkan waktu bekerja – boleh dibuat semasa rehat tengahari.

Pemerhatian saya pada tahun-tahun lalu juga mendapati bahawa sebahagian daripada rakan-rakan kita juga telah mengambil peluang untuk menambah pendapatan melalui jualan kuih raya, tudung, baju dan sebagainya. Saya tidak berhajat untuk melarang atau mengharamkan aktiviti ini, tetapi hendaklah diuruskan secara bijaksana tanpa menjejaskan urusan atau tugas-tugas rasmi seharian.

Kita juga akan menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-51. Di kesempatan ini, saya menyeru kepada semua warga JAS agar dapat menunjukkan semangat patriotisme dengan menyemarakkan lagi sambutan kemerdekaan negara. Sebagai Warganegara Malaysia, kita harus menunjukkan rasa hormat dan cinta kepada tanah air. Semua pejabat JAS termasuk di negeri dan cawangan hendaklah mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang sambutan bulan kemerdekaan ini. Saya juga menyeru kepada warga JAS supaya masing-masing bersedia untuk mengibarkan Jalur Gemilang di rumah masing-masing sekurang-kurangnya menjelang 31 Ogos nanti.

Tema sambutan kemerdekaan ke-51 pada tahun ini ialah "*Perpaduan Teras Kejayaan*". Tema sambutan pada tahun ini begitu signifikan kepada kita semua sebagai Warganegara Malaysia. Perpaduan memberi pengertian yang cukup besar. Tanpa adanya perpaduan, kita amat sukar bekerja sebagai satu pasukan, apatah lagi untuk mencapai kejayaan. Sebagai warga JAS yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan kepercayaan, kita hendaklah bekerjasama antara satu sama lain bagi memastikan supaya JAS menjadi sebuah Jabatan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Kita tidak boleh bekerja bersendirian. Bekerja sebagai satu pasukan merupakan kaedah terbaik untuk mencapai kejayaan. Di sinilah pentingnya perpaduan.

Pada hari ini juga, iaitu pada petang nanti, kita akan mendengar pembentangan bajet 2009 oleh Y.A.B Perdana Menteri. Adalah diharapkan agar pembentangan bajet 2009 ini sedikit sebanyak dapat menggembirakan kakitangan awam yang kini berdepan dengan peningkatan kos sara hidup ekoran daripada kenaikan harga minyak dan bahan makanan melalui beberapa pengumuman yang mungkin akan dibuat oleh Y.A.B Perdana Menteri pada petang ini.

Prestasi **perbelanjaan mengurus** sehingga 31 Julai 2008 ialah **52.9%** (RM 58 juta) daripada RM 125 juta peruntukan yang diterima. Manakala prestasi **perbelanjaan pembangunan** ialah **38.82%** (RM 9 juta) daripada RM 24 juta peruntukan yang diterima. Semua pegawai pelaksana projek diminta menumpukan sepenuh perhatian untuk menguruskan perbelanjaan mengikut jadual dan menyiapkan projek mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat menunaikan ibadat puasa kepada semua warga JAS yang beragama Islam dan selamat menyambut Hari Kebangsaan Ke-51 Kepada semua.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
JABATAN ALAM SEKITAR**

29 Ogos 2008 (Jumaat)